



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	1 /12/2010

Penggunaan mata wang tunggal ASEAN

Belum boleh dilaksanakan - Najib

Oleh SARAH NADLIN ROHIM
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 30 Nov - Malaysia berpendapat penggunaan mata wang tunggal ASEAN masih belum boleh dilaksanakan pada masa ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menu rut beliau, apa yang lebih penting adalah mempunyai polisi domestik lebih teratur dan menyokong kedua-dua mata makro dan monetari.

"Bagi penggunaan mata wang tunggal ASEAN, pelaksanaannya adalah terlalu jauh dan tidak perlu dibincangkan pada masa ini. Negara-negara ASEAN perlu mengukuhkan kerjasama dua hala antara negara-negara anggota.

"Selain itu, kita perlu mempunyai peraturan pelbagai hala seperti inisiatif Chiang Mai dan sebagainya, supaya ASEAN dapat dilihat dari pelbagai sudut," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan ucapan pada Seminar Pelabur Menteri-menteri Kewangan ASEAN, di sini hari ini.

Turut hadir, Setiausaha Agung ASEAN, Dr. Surin Pitsuwan dan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Sementara itu, dalam ucapannya, Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, pelaksanaan Pelan Induk bagi Hubungan ASEAN akan melancarkan langkah ke arah pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC).

Katanya, pelan yang direka dengan kepakaran antarabangsa itu akan membaik pulih infrastruktur pertautan, mengurangkan halangan peraturan bagi pergerakan barangan dan



MENTERI Menteri Kewangan ASEAN dari kiri Timbalan Menteri Kewangan Brunei Datuk Paduka Awang Bahrin Abdullah, Menteri Kewangan Singapura H.E Tharman Shanmugaratnam, Setiausaha Negara Menteri Kewangan dan Ekonomi Cambodia Kong Vibol, Setiausaha Kewangan Filipina Cesar V. Purisima, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Kewangan II Malaysia Datuk Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, Menteri Kewangan Thailand Korn Chatikavanij, Menteri Kewangan Lao PDR Somdy Douangdy, Menteri Kewangan Indonesia Agus Martowardojo dan Setiausaha Agung ASEAN Dr. Surin Pitsuwan berganding tangan pada Seminar Pelabur Menteri Kewangan ASEAN di Kuala Lumpur, semalam.

memudahkan perjalanan.

"Ini akan meningkatkan dagangan serantau dan pelaburan serta membantu pertumbuhan kompetitif di dalam ASEAN dan jiran-jiran lain seperti India, China, Jepun dan Korea Selatan," katanya.

Tambah Najib, untuk meningkat-

kan hubungan pasaran modal rantau, satu jambatan perdagangan elektronik dikenali sebagai ASEAN Common Exchange Gateway telah ditubuhkan yang membolehkan para pelabur mempelbagaikan pelaburan dan meningkatkan kecairan mereka di pasaran rantau ini.

Najib berkata, dana infrastruktur ASEAN yang membiayai projek infrastruktur di rantau ini, pada masa ini berjumlah AS\$355 juta (RM1.1 bilion) dengan Malaysia dan Asian Development Bank menyumbang AS\$150 juta (RM465 juta).

Sokongan pembiayaan infrastruktur

adalah penting bagi pertumbuhan ASEAN.

"Peningkatan satu peratus dalam perbelanjaan infrastruktur di Asia akan meningkatkan perbelanjaan swasta antara satu hingga dua peratus kadar keluaran dalam negara kasar (KDNK) yang akan memanfaatkan



komuniti pelaburan dan negara-negara ASEAN.

"Terpulang kepada sektor swasta untuk mengambil kesempatan terhadap rejim yang lebih baik telah ditetapkan oleh penggubal undang-undang pasaran modal.

"Mereka kini boleh membangunkan lebih banyak produk yang mempunyai tarikan rantau, memberikan penawaran melangkaui sempadan dan meneroka peluang perniagaan," jelasnya.

ASEAN juga sedang melaksanakan pelbagai langkah membina pasaran modal bersepadu dan membangunkan kelas aset ASEAN kepada pelabur dan pada masa yang sama meletakkan diri mereka sumber komuniti global dan bertanggungjawab.

"Pada peringkat kitaran perniagaan, kita amat memahami kekuatan ASEAN, sebagai tempat pilihan pelaburan, ditingkatkan setelah ASEAN mengambil tindakan sewajarnya untuk menyokong pelaburan dan pertumbuhan global," katanya. ASEAN mengharapkan tindakan bertanggungjawab yang sama oleh pelabur antarabangsa dan domestik kerana mereka berkongsi faedah apa yang ditawarkan rantau ini, kata Perdana Menteri lagi.

Beliau turut menyentuh mengenai keperluan membangunkan industri dana pencen swasta bagi membolehkan pekerja merancang dan menguruskan kekayaan untuk persaraan, terutamanya dengan demografi ASEAN yang lebih kepada penduduk golongan muda.